

**SENI MEDIA BARU DI MALAYSIA
(1980AN-2018): ANALISIS KARYA-KARYA
MENERUSI PENDEKATAN BERTEMA**

SITI KHADIJAH BINTI MOHAMAD ELHAM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**SENI MEDIA BARU DI MALAYSIA
(1980AN-2018): ANALISIS KARYA-KARYA
MENERUSI PENDEKATAN BERTEMA**

oleh

SITI KHADIJAH BINTI MOHAMAD ELHAM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Seni**

Mei 2020

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya telah memberi inspirasi dan kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini sebagai hasil kajian saya di peringkat sarjana.

Sekalung penghargaan dan terima kasih khas diucapkan kepada Dr. Sarena Binti Abdullah selaku penyelia yang banyak membantu dan berkongsi ilmu dan waktu sepanjang tempoh pengajian ini. Semoga beliau terus teguh berdiri dan berjaya dengan cemerlang sebagai seorang pendidik dan sejarawan seni yang sentiasa menaburkan bakti. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada Emak, Kakak dan Adik di atas segala sokongan dari segi moral, doa serta pembiayaan sepanjang tempoh pengajian ini berlangsung. Semoga Allah melapangkan rezeki, menganugerahkan kesihatan dan ketenangan hidup buat kalian yang amat dicintai. Untuk Abah, Kakak Aja dan Abang Pi, doa, cinta dan memori sentiasa untuk kalian yang amat dirindui. Kepada rakan-rakan yang sentiasa berada di samping saya selama ini, semoga Allah yang membalas segala kebaikan anda semua. Di samping itu juga, jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Seni serta semua pihak yang turut membantu sama ada secara langsung mahupun tidak. Diharap hasil penyelidikan saya ini dapat memenuhi kehendak tugas di samping memberikan kebaikan dan manfaat kepada saya dan juga pihak lain.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iii
SENARAI RAJAH.....	vi
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Latar belakang	1
1.2 Persoalan Penyelidikan.....	15
1.3 Penyataan Masalah	15
1.4 Objektif Penyelidikan.....	21
1.5 Kepentingan Kajian	22
1.6 Skop Penyelidikan	24
1.7 Limitasi.....	26
1.8 Struktur Tesis.....	29
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	32
2.1 Pendahuluan	32
2.2 Seni Media Baru: Definisi dan Konsep	35
2.2.1 Mengkontekstualisasikan Seni Media Baru	43
2.2.2 Perbincangan Seni, Identiti dan Teknologi	46
2.3 Seni Media Baru Dari Konteks Sejarah.....	64
2.3.1 Asas dan Pelopor	65
2.3.2 Kelahiran Bentuk-Bentuk Awal Seni Media Baru	67
2.3.2(a) Gerakan Dalam Seni	72
2.3.2(b) Seni Komputer: Penyelidikan dan Inovasi.....	80

2.3.2(c) Video dan Imej Bergerak	94
2.4 Kesimpulan.....	97
BAB 3 METODOLOGI.....	101
3.1 Pendahuluan	101
3.2 Kajian Teoritikal.....	102
3.2.1 Identiti Budaya: Definisi dan Konsep	102
3.2.2 Teori Budaya oleh Raymond Williams	105
3.2.3 Teori Identiti Budaya oleh Stuart Hall	106
3.3 Teknik Pengumpulan Data	108
3.3.1 Sumber Primer.....	109
3.3.2 Sumber Sekunder.....	109
3.3.3 Sampel Kajian: Teks, Foto dan Video.....	110
3.4 Kaedah Penganalisan Data.....	110
3.4.1 Analisis Kandungan dan Kontekstual	111
3.4.1(a) Strategi Artistik Melalui Perbincangan Budaya.....	112
3.4.1(b) Tema-Tema Identiti Budaya	113
3.5 Reka Bentuk Metodologi.....	114
3.6 Kesimpulan.....	114
BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN: STRATEGI ARTISTIK MELALUI PERBINCANGAN BUDAYA.....	116
4.1 Pendahuluan	116
4.1.1 Strategi Malaysia ke arah Gagasan ICT	121
4.2 Seni Media Baru dan Strategi Artistik.....	131
4.2.1 Apropriasi Imej Kontemporari dan Budaya Popular.....	134
4.2.2 Alegori Daripada Lagenda, Mitos dan Cerita-Cerita Rakyat	151
4.2.3 Penghibridan Bunyi dan Imej Bergerak	161
4.3 Kesimpulan.....	171

BAB 5 ANALISIS DAN PERBINCANGAN: TEMA-TEMA IDENTITI BUDAYA	174
5.1 Pendahuluan	174
5.2 Identiti Dalam Konteks Malaysia	175
5.3 Kesenambungan Tema: Persoalan Identiti Dalam Seni Media Baru	184
5.4 Ciri-Ciri Tema Identiti Budaya	190
5.4.1 Nilai, Sikap dan Kepercayaan	191
5.4.2 Memori, Sejarah dan Perubahan Lanskap	208
5.5 Kesimpulan.....	227
BAB 6 RUMUSAN DAN CABARAN	230
SENARAI RUJUKAN	243
LAMPIRAN	
SENARAI PENERBITAN	
SENARAI PEMBENTANGAN	

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Skop Penyelidikan 26
Rajah 1.2	Pembahagian pada struktur tesis mengikut skop perbincangan..... 31
Rajah 2.1	Takrifan media baharu oleh Lievrouw. 36
Rajah 2.2	Nam June Paik, “Good Morning, Mr. Orwell” (1984), pemasangan video 53
Rajah 2.3	Syafiq Abd Samat, “Noiser Painter” (2018), televisyen LCD di atas beca mudah alih 59
Rajah 2.4	Khairul Ehsani, “Lonely Cloud Monster” (2016), arca: kapas, botol kitar semula dan pendawaian, 65”x18”x20”..... 59
Rajah 2.5	Lim Kok Yoong, “When You Are Not Your Body” (2008), instalasi di bilik projek <i>Valentine Willie Fine Art</i> (VWFA), Kuala Lumpur 64
Rajah 2.6	Enjin Analisis (Analytical Engine) oleh Charles Babbage 69
Rajah 2.7	Enjin Beza (Difference Engine) oleh Charles Babbage 69
Rajah 2.8	DIY pembinaan mesin Alan Turing oleh Mike Davey 70
Rajah 2.9	Luigi Russolo pada tahun 1913 bersama mekanikal okestranya. 75
Rajah 2.10	Lakaran kotak instrumen bunyi-bunyian Luigi Russolo..... 75
Rajah 2.11	Kompatmen dalaman kotak musik Luigi Russolo 75
Rajah 2.12	Marcel Duchamp, “Fountain” (1917), porselin, 360 x 480 x 610 mm. 77
Rajah 2.13	Carta Intermedia oleh Dick Higgins. 78
Rajah 2.14	Bruce Nauman, “Run from Fear, Fun from Rear” (1972), tiub neon dengan tiub kaca yang jelas rangka gantungan 79
Rajah 2.15	Ben Laposky, “Oscillon 40” (1952), cetakan fotografik <i>C-type</i> , 20.3cm x 25.1cm..... 81

Rajah 2.16	A. Michael Noll, “Gaussian-Quadratic” (1962–3), <i>IBM 7090, Stromberg-Carlson S-C 4020 microfilm plotter</i> . © 1965 A. Michael Noll.	83
Rajah 2.17	Kamarudzaman Md. Isa, “Self-Portrait” (1984), cetakan komputer	87
Rajah 2.18	Kamarudzaman Md. Isa, “Cini” (1987), cetakan komputer	87
Rajah 2.19	Ismail Zain, “The Detribalisation of Tam binti Che Lat” (1983), akrilik atas kanvas, 121 x 183cm.....	88
Rajah 2.20	Ismail Zain, “Vincent” (1988), cetakan digital dot matrix atas kertas, 75.5cm x 64.5cm.	89
Rajah 2.21	Ismail Zain, “The Magic Maker” (1988), cetakan digital dot matrix atas kertas, 75.5cm x 64.5cm.....	90
Rajah 2.22	Kamaruzaman Rusalli, “Intriasil #1” (1995), Cetakan Komputer, 37.4cm x 27.1cm,.....	91
Rajah 2.23	Ponirin Amin, “Surat Al- Insyirah 94” (1991).....	92
Rajah 2.24	Bahaman Hashim, “Virtual Reality” (1993).....	92
Rajah 2.25	Suhaimi Tohid, “Dalam Seminit” (1994)	92
Rajah 2.26	Nam June Paik, “My Mix ’81” (1981), Video, video analog, U-Matic, warna dan stereo, berdurasi 24:50.	94
Rajah 2.27	Nam June Paik & Jud Yalkut, “Electronic Yoga” (1966), video analog, U-Matic, color dan mono, berdurasi 8:20.	95
Rajah 2.28	Nam June Paik & John J. Godfrey, “Global Groove” (1973), Video, video analog, U-Matic, color dan stereo, berdurasi 28:40.	95
Rajah 3.1	Jadual rangka kerja rumusan teoritikal Raymond Williams dan Stuart Hall.	108
Rajah 3.2	Rangka Kerja Metodologi Penyelidikan.....	114
Rajah 4.1	Peta MSC	126
Rajah 4.2	Pembangunan MSC untuk tiga fasa (1996-2020).....	126

Rajah 4.3	Ismail Zain, “Nasyid” (1988), cetakan digital dot matrix & kemasan berus angin atas kertas, 75.3cm x 64.2cm.....	138
Rajah 4.4	Ismail Zain, “Bintang Pujaan” (1988), cetakan digital dot matrix dengan kolaj & dakwat warna atas kertas, 55.3cm x 47.8cm	142
Rajah 4.5	Ismail Zain, “Hanya Dinda Sajalah Untuk Kanda” (1988), cetakan digital dot matrix atas kertas, 75.5cm x 64.5cm.	143
Rajah 4.6	Ismail Zain, “Bruce Springteen” (1988), cetakan digital dot matrix atas kertas, 75.5cm x 64.5cm.....	143
Rajah 4.7	Ismail Zain, “Al-Kesah” (1988), cetakan digital dot matrix atas kertas, 75.5cm x 64.5cm.	144
Rajah 4.8	Amir Zainorin, “The Dance” (2009), digital c print di atas kertas, 170cm x 120cm.....	146
Rajah 4.9	Amir Zainorin, “The Sunday Times” (2008), cetakan digital di atas kertas.....	148
Rajah 4.10	Hasnul Jamal Saidon, “mirror, mirror on the wall” (1994), video animasi saluran tunggal.....	150
Rajah 4.11	Hasnul Jamal Saidon, “The Smiling Van Gough dan Gauguin (Fashion Parade)”, (1997), cat akrilik dan animasi komputer atas video.....	150
Rajah 4.12	Roopesh Sitharan, “wink” (2008), video saluran tunggal.....	150
Rajah 4.13	Ismail Zain, “Happy Birthday Mr. Parameswara” (1988), cetakan digital warna dot matrix atas kertas, 75cm x 64cm.....	154
Rajah 4.14	Victoria Cattoni kerjasama & Masnoor Ramli Mahmud “Garlic & Red Onion” (2006), video dokumentasi, berdurasi 5:26	154
Rajah 4.15	Yee I-Lann, “Imagining Pontianak: I’ve Got Sunshine on a Cloudy Day” (2016), video tiga saluran, berdurasi 13:11	156
Rajah 4.16	Haris Abadi, “Pohon” (2018), animation on loop.....	159
Rajah 4 17	“Jambori Rimba” <i>An Audience-interactive installation</i> , kolaborasi bersama <i>the Mclean Mix</i> (Barton & Priscilla McLean) (1997)	163

Rajah 4.18	Hasnul Jamal Saidon, Wan Marina Asbak & Johan Othman, “Peminjam Cahaya” (The Borrower of Light) (2003), pemain DVD, projektor LCD, skrin, mentol, traditional shadow puppets, dengan bunyi-bunyian, 2.5m x 3m x 2m.	164
Rajah 4.19	Fairuz Sulaiman, “Laksamana Do Re Mix” (2013), instalasi multimedia, pengawal pergerakan pupet dan bunyi-bunyian.	165
Rajah 4.20	Kamal Sabran, “Space Gambus Experiment Into The Light: Pengembara Cahaya VII” (2014).	166
Rajah 4.21	Kamal Sabran, “Saya Lihat Bunyi” (2011), video instalasi, 6 projektor, 1 prepared vintage cathode tube TV, 16 channel sound mixer, 10 mikrofon.	167
Rajah 4.22	Kamal Sabran, “Sonic Cosmic” (2006) 4-gerakan muzik dan komposisi visual improvisasi, 20:00 minit.	167
Rajah 4.23	Lim Kok Yoong, “When Birds Don’t Fly” (2011), media campuran, pemasangan bunyi.	170
Rajah 4.24	Goh Lee Kwang, “Tanah Ayer-Soundhorizontal” (2011), audio, 10:00 minit.	171
Rajah 5.1	Hasnul Jamal Saidon, “‘Kdek-Kdek’ Ong!” (1994), Media Campuran dan Video Animasi pada Komputer, video berdurasi 4:59.	192
Rajah 5.2	Hasnul Jamal Saidon, “Post-colon” (1993), satu siri video pendek, berdurasi 40:30.	195
Rajah 5.3	Liew Kung Yu, “Who am I” (1991), Pemasangan Video Set Monitor televisyen di atas lantai.	197
Rajah 5.4	Liew Kung Yu, “Sing a Song for Ah Kong and Ah Ma” (1994), Pemasangan Kepelbagaian Siaran TV.	198
Rajah 5.5	Faizal Mohd Zulkifli, “Road Runner” (1996), berdurasi 4:00 minit.	198
Rajah 5.6	Yee I-Lann, “Huminodun” (Siri Kinabalu) (2007), Cetakan Digital, 106.5 x 204.5cm.	201

Rajah 5.7	Tc Liew, “Pot-Luck (Purdue)” (2007), video dokumentasi, berdurasi 18:35.....	202
Rajah 5.8	Tengku Azahari Tengku Azizan, “Musibath” (2003), berdurasi 2:44.	203
Rajah 5.9	Mohd Fuad Arif, “Pembukaan” (2013), video, berdurasi 5:00.....	206
Rajah 5.10	Niranjah Rajah, “Telinga Keling” (1999), Cetakan Fotografi.....	210
Rajah 5.11	Kamal Sabran, “Darah & Daging” (2006), berdurasi 5:22.....	211
Rajah 5.12	Wong Hoy Cheong, “Sook Ching: A multimedia presentation” (1990), video, berdurasi 27:00 minit.....	215
Rajah 5.13	Lim Kok Yoong dengan usahasama Yap Sau Bin dan Tengku Sabri, “Operasi Cassava” (2013)	215
Rajah 5.14	Ahmad Fuad Osman, “Recollections of Long Lost Memories” (2007), video projeksi slaid, pelbagai dimensi.	216
Rajah 5.15	Hayati Mokhtar, “Penawar” (2009), Gambaran video 2-saluran (HDV) instalasi campuran, berdurasi 24:00 minit.	216
Rajah 5.16	Hayati Mokhtar, “Falim House: Observations” (2013-2015), sepuluh skrin audio-visual.	219
Rajah 5.17	Hayati Mokhtar, “No.55, Main Road” (2010), instalasi video tiga saluran, berdurasi 17:00 minit.....	219
Rajah 5.18	Wong Hoy Cheong, “Suburbia: Bukit Beruntung, Subang Jaya” (2006), projeksi dua siaran, berdurasi 6:00 minit.	222
Rajah 5.19	Wong Hoy Cheong, “RE: Looking” (2002-2003), berdurasi 14:31.	226
Rajah 5.20	Hayati Mokhtar dan Dain Iskandar Said, “Near Intervisible Line” (2006), video pegun berdurasi 45:00 minit.....	226
Rajah 5.21	Nadiah Bamadhaj, “Beyond Recognition” (2006), berdurasi 12:36.	226

SENARAI SINGKATAN

ACM SIGGRAPH	<i>Associate for Computing Machinery Special Interest Group on Computer Graphics</i>
ATR	<i>Advanced Telecommunications Research Institute</i>
CD-ROM	<i>Compact Disc Read-Only Memory</i> (Cakera Padat-Ingatan Baca Sahaja)
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
EAO	<i>E-Art Asean Online</i>
E.A.T	<i>Eksperiment in Art and Technology</i>
HONF	<i>House of The Natural Fiber</i>
IBM	<i>International Business Machines</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i> (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ISEA	<i>International Symposium of Electronics Arts</i>
KLCC	<i>Kuala Lumpur City Centre</i> (Pusat Bandaraya Kuala Lumpur)
KLIA	<i>Kuala Lumpur International Airport</i> (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur)
MARS	<i>Malaysian Art Archive & Research Support</i>
MGTF	Muzium & Galeri Tuanku Fauziah
MKCC	<i>Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn Bhd</i>
MMU	<i>Malaysia Multimedia University</i> (Universiti Multimedia Malaysia)
MNC	<i>Multi Nasional Corporations</i> (Syarikat Multi-Nasional)
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i> (Agensi Kelayakan Malaysia)
MSC	<i>Multimedia Super Corridor</i> (Koridor Raya Multimedia)
PSEP	Pameran Seni Elektronik Pertama

SAIC	<i>School of the Art Institute of Chicago</i>
SGE	<i>Space Gambus Eksperiment</i>
SSAS	<i>Selasar Sunaryo Art Space</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational Scientific and Cultural Organi-sation</i> (Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu)
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
USM	Universiti Sains Malaysia
VWFA	<i>Valentine Willie Fine Art</i>

SENI MEDIA BARU DI MALAYSIA

(1980AN-2018): ANALISIS KARYA-KARYA MENERUSI PENDEKATAN

BERTEMA

ABSTRAK

Seawal tahun 1980an lagi, peranti teknologi seperti komputer misalnya telah diperkenalkan sebagai salah satu medium artistik di Malaysia. Signifikannya, penggunaan peranti teknologi tersebut tidak hanya bertujuan memudahkan kerja-kerja pengkaryaan. Sebaliknya, mampu menghasilkan imej-imej yang memperihalkan identiti budaya dalam konteks di Malaysia. Justeru, boleh diandaikan bahawa persoalan identiti budaya semakin rancak dibahaskan dalam pengkaryaan seni di Malaysia pada dekad 90an berikutnya dalam bentuk refleksi mahupun kritikan. Tesis ini mengaplikasikan metodologi penyelidikan kualitatif dengan menumpukan pada analisis dokumen sebagai pengumpulan data. Tesis ini memeriksa hasil-hasil karya Seni Media Baru di Malaysia antara tahun 1980an sehingga 2018 dari perspektif strategi dan tema-temanya. Dengan berpandukan analisis kandungan dan kontekstual, tesis ini meringkaskan karya Seni Media Baru dari dua perspektif tersebut kepada perihal-perihal identiti budaya dalam kerja-kerja artis seni media di Malaysia. Oleh itu, tesis ini mendapati bahawa, aspek-aspek identiti budaya dalam Seni Media Baru sememangnya masih menjadi rujukan dalam pengkaryaan sebilangan besar artis di Malaysia sehingga ke hari ini dengan pelbagai cara dan perspektif.

**NEW MEDIA ART IN MALAYSIA (1980S-2018): ANALYSIS OF
ARTWORKS THROUGH A THEMATIC APPROACH**

ABSTRACT

In the early 1980s, technology devices such as computers were introduced as one of the artistic mediums in Malaysia. Significantly, the use of technological devices not only aimed at facilitating the works composition. On the other hand, is to produce images that specifically describe cultural identity in the context of Malaysia. Thus, it can be said that the questions of identity and culture are increasingly being debated in art works in Malaysia over the next decades in the form of reflection or criticism. This thesis applies qualitative research methodology with a focus on the analysis of the document as a data collection. This thesis examines the works of New Media Art in Malaysia between the 1980s and 2018 from the perspective of strategy and themes. Bearing analysis techniques and contextual content, this thesis frames New Media artworks from two perspectives to identity and culture in the work of Malaysian art artists. Therefore, this thesis considers that the cultural and identity aspects of the New Media Art are still a reference in the composition of a number of artists in Malaysia until today in many ways and perspectives.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang

Lebih tujuh dekad yang lalu, telah muncul amalan baharu yang menerapkan elemen-elemen teknologi sebagai pendekatan utama menghasilkan seni. Selain mempercepatkan proses penghasilan, penggunaan teknologi pada kerja-kerja artistik adalah untuk mencipta rupa seni yang bervariasi dan berinovasi hasil cantuman daripada medium seperti komponen-komponen elektronik, mesin pencetak berdigital, perisian dan sebagainya. Percantuman antara seni dan komponen teknologi tersebut juga telah melahirkan praktis berupa “Seni Media Baru” iaitu istilah yang berbeza dari takrifan medium atau seni bersifat konvensional.

Walter Benjamin seorang teoris Eropah, telah pun mengemukakan kelahiran bentuk seni baharu sebagai *represents something new* adalah daripada penyalinan semula karya seni menerusi penggunaan jentera atau *Mechanical Reproduction* (Benjamin, 1968:218). Aktiviti tersebut rancak diproduksikan sekitar abad ke-19 dan kemudiannya mengalami transisi menjelang abad ke-20 kepada karya-karya yang menggunakan medium teknologi baharu seperti fotografi, komputer, video dan sebagainya.

Berdasarkan transisi tersebut maka, bidang seni telah mengalami perubahan demi perubahan bukan sahaja dari segi medium tetapi, kandungan dan fungsinya dari pelbagai konteks sosial dan budaya.

“Perlu difahami, bahawa pembaharuan teknologi tidak hanya menyatukan dan menyatu ulang mesin serta teknik. Mesin baru yang penting tidak hanya sekadar mendorong atau mengharuskan adanya perubahan dalam mesin lain. Mesin baru itu mendorong penyelesaian baru terhadap persoalan dalam bidang sosial, falsafah, bahkan terhadap persoalan manusia secara peribadi. Ia mengubah

seluruh lingkungan intelek seseorang - cara berfikir dan cara memandang dunia.”
(Toffler, 1991:23)

Lanjutan daripada situasi di atas, seni yang dihasil daripada perangkat media teknologi ini turut mengalami persoalan dari segi originaliti (pattern) dan tidak kurang hebat dibahaskan dalam kebanyakan wacana yang mengiringi perkembangan tersebut.

Beralih kepada konteks sejarah perkembangannya, pelancaran *portable camera/recorder unit* (Portapak) oleh syarikat Sony pada tahun 1965 ke dalam pasaran pengguna merupakan detik awal sejarah kelahiran Seni Video apabila Nam June Paik membeli perangkat pertama yang terdapat di New York (Marshall, 1979:109). Selain itu, perkembangan medium komputer juga telah menawarkan cara baharu penghasilan seni yang dikenali sebagai Seni Komputer. Titik-titik awal dikesan pada tahun 1963 di Britain apabila sebilangan artis telah mengubah *cold logic* perkomputeran iaitu komponen penting dalam haba putih (*white heat*) sebagai medium baharu untuk seni mereka dan usaha ini memainkan peranan utama bukan sahaja terhadap revolusi saintifik dan teknologi sebaliknya, menghubungkan teknologi dan budaya (Brown, Gere, Lambert, & Mason, 2008:1).

Umumnya, asas kepada kemunculan seperangkat teknologi di atas bolehlah dikatakan sebagai lanjutan daripada perkembangan medium-medium sebelumnya. Contohnya, penciptaan kotak fotografi *obscura camera* menggunakan teori bilik gelap oleh ilmuan Ibnu'l-Haitham pada abad ke-10 M (Sulaiman Fayyad terjemahan Abdul Karim Mustafa, 1998) dan dikembangkan menjelang beberapa abad seterusnya oleh Joseph Nicephore Niepce dan Louis Daguerre dengan menggunakan konsep *Daguerreotypes* sekitar tahun 1836. Manakala *calculating machines* oleh Charles Babbage sekitar abad ke-19, sebelum berkembang kepada komputer peribadi dan *Graphic User Interface* (antaramuka pengguna grafik). Maka, dari perspektif sejarah

ini, selain daripada proses perkembangan medium itu sendiri, tunjang kepada pembentukan Seni Media Baru juga harus diteliti menerusi beberapa aspek penting yang lain. Antaranya, gerakkan seni serta penyelidikan dan inovasi yang menghubungkan antara bidang saintifik dan teknologi ke dalam kerja-kerja berasaskan seni, juga tema-tema identiti budaya.

Justeru, wujud korelasi antara perkembangan Seni Media Baru dengan bidang saintifik dan inovasi secara khusus. Walau bagaimanapun, kesemua aspek yang dinyatakan tersebut sebahagian besarnya telah pun berpusat luar dari konteks Malaysia dalam tempoh yang agak panjang. Berlainan situasi di Malaysia, kecenderungan terhadap penghasilan Seni Media Baru bolehlah dianggap bermula rancak sekitar tahun 1990-an apabila sebilangan kecil artis mula mempraktiknya terutamanya penghasilan Seni Video. Kini, ia merupakan sebahagian daripada sejarah penting perkembangan seni tampak di negara ini walaupun melalui proses yang agak singkat.

Dalam hal ini, Seni Media Baru yang lahir kesan daripada perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat telah membawa transformasi khususnya terhadap pendekatan yang diguna untuk menghasilkan sesebuah karya seni. Dalam perihal perkembangan tersebut juga, kekuatan teknologi maklumat dan komunikasi itu bukan sahaja mampu dibuktikan pada perubahan corak pemikiran dan tingkah laku masyarakat di setiap sudut kehidupan mereka. Sebaliknya, adalah kelangsungannya pada bidang seni untuk suatu tempoh yang panjang. Oleh itu, eksperimentasi secara radikal pada sebilangan artis media baharu seakan membuka ruang dan anjakan paradigma baharu dalam mencerna serta mengubah perspektif seni di luar lingkungan 360 darjah, khususnya terhadap peranan dan fungsi seni ketika ini. Memandangkan perkembangan seni ini adalah berkait antara persilangan seni dan teknologi maka,

pertimbangan sewajarnya harus diberikan terutamanya dari konteks sejarah dan identiti budaya.

Bertitik tolak daripada aspek sosial dan identiti budaya yang ada disentuh sebelumnya, iaitu perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat terhadap pemikiran dan tingkah laku masyarakat di setiap sudut kehidupan mereka. Kenyataan ini dapat dibuktikan menerusi pandangan Manuel Castells seorang pakar sosiologi berhubung dengan kepesatan teknologi maklumat iaitu, “Networks constitute the new social morphology of our societies, and the diffusion of net-working logic substantially modifies the operation and outcomes in processes of production, experience, power, and culture” (Castells, 2000:500). Berdasarkan kenyataan tersebut, kepesatan teknologi telah menyebabkan kemunculan serangkaian masyarakat baharu yang mencorak perubahan terhadap proses penghasilan, pengalaman, kuasa dan budaya.¹ Selari dengan teori *The Third Wave*² oleh futuris Alvin Toffler, kandungan teori tersebut telah menggariskan kewujudan masyarakat baharu iaitu sebagai masyarakat gelombang ketiga hasil tidakbalas daripada kemunculan teknologi maklumat dan pengetahuan (Toffler, 1981).

“...Toffler has demonstrated that knowledge and technology are the two powerful determinants in facilitating changes in society, and thus bring the society to an unprecedented process of transformations to a new type of order he termed as “the Third Wave society”. (Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, 2012)

(...Toffler telah menunjukkan bahawa pengetahuan dan teknologi adalah dua penentu yang kuat dalam memudahcarakan perubahan dalam masyarakat, dan

¹ Dari konteks seni, kenyataan Castler tersebut mungkin boleh dapat dikaitan dalam penyelidikan ini berhubung dengan peranan artis menerusi kemunculannya sebagai sebahagian masyarakat baru yang akan mencorak perubahan terhadap proses penghasilan (kerja seni mereka), pengalaman (persekitaran), kuasa (kemampuan dan kebolehan) dan budaya iaitu intipati daripada produk seni media yang akan dihasilkan.

² Alvin Toffler telah membahagikan masyarakat yang hidup di bawah negara kapitalis dan sosialis kepada tiga gelombang sebagai mengalami krisis umum. Gelombang pertama telah dilancarkan menerusi revolusi pertanian sejak 10 000 tahun yang lampau manakala, gelombang kedua pula dikenali sebagai revolusi industri iaitu sekitar 300 ratus tahun lalu. Sementara, gelombang ketiga menurut Alvin Toffler adalah merujuk kecenderungan terhadap peralihan menerusi bidang teknologi, ekonomi, politik, kehidupan keluarga, penggunaan tenaga dan berbagai-bagai bidang lain. (Toffler, 1989: xiii)

dengan itu membawa masyarakat kepada proses transformasi yang belum pernah terjadi sebelumnya kepada jenis pesanan yang baru yang disebut sebagai “masyarakat Gelombang Ketiga”).

Jelaslah, kewujudan masyarakat baharu sebagai masyarakat gelombang ketiga adalah berkait terus dengan gelombang informasi atau maklumat yang keseluruhannya telah menguasai dunia secara global. Selain sosialis Alvin Toffler, antara pengemuka-pengemuka teori-teori atau kajian lain yang mengidentifikasikan kewujudan masyarakat baharu termasuklah, McLuhan, Jean Baudrillard dan Daniel Bell. Keseluruhan pemikir ini telah mengistilahkan masyarakat baharu tersebut sebagai masyarakat pasca-industri³ atau lebih popular sebagai masyarakat pascamoden (Mana Sikana, 1998:8).

Fredric Jameson berdasarkan esainya bertajuk *Postmodernism and Consumer Society* (Jameson, 1987:113) menghubungkan ciri formal yang baharu dalam budaya dengan kehidupan sosial dan aturan ekonomi baharu dalam pascamoden dari konsep *late capitalism* menerusi kemunculan masyarakat pascaindustri, kepesatan konsumerisme, perkembangan media dan syarikat-syarikat multi-nasional selepas daripada perang dunia ke-2 di antara tahun 1940-an dan awal 1950-an manakala, lewat 1950-an di Eropah. Begitu juga sebelumnya, penulisan lain dalam Buku bertajuk *The Coming of Post-Industrial Society* (1973) dan *The Post-Industrial Society* (1974) oleh Daniel Bell dan juga Alain Tourine juga adalah penulisan yang menggambarkan perubahan besar pasca-insdustri yang belaku dalam kalangan masyarakat Barat. Perubahan tersebut melibatkan pengeluaran dan pendedaran ilmu pengetahuan dan maklumat. Sekitar tahun 1979, Jean-Francois Lyotard dalam bukunya bertajuk *The Postmodern Condition* telah menulis tentang kewujudan

³ Umumnya, masyarakat pascaindustri yang dikemukakan ini tidak tertumpu lagi kepada industri yang padat dengan teknologi sebaliknya, mereka mula menguasai ekonomi pelanggan yang tertumpu teoritis ilmu pengetahuan dan maklumat. (Mana Sikana, 1998:8)

keadaan pascamoden di negara-negara pasca-industri, khususnya Eropah dan Barat. lantaran itu, namanya begitu terkenal sebagai pelopor yang memperkenalkan istilah “Pascamoden”⁴ walaupun beliau hanya meneruskan perbincangan mengenai perihal pasca-industri sebagaimana dibuat oleh Daniel Bell dan Alain Tourine sebelumnya.

Ideologi tersebut kemudiannya telah menular secara global sekitar tahun 1990-an khususnya dalam negara dunia ke-3. Justeru, masyarakat dunia abad ke-21 kini boleh dikatakan sebagai masyarakat yang berada pada zaman pascamoden. Dalam konteks perbincangan ini, salah satu ciri pascomodenisme ini seperti mana dicatatkan oleh Akbar S. Ahmed (1992: 143-144), dalam bukunya bertajuk *Postmodenisme and Islam* adalah:

“Meledaknya industri media massa sehingga seolah-olah ia adalah kesinambungan daripada sistem pancaindera, organ dan saraf manusia. Keadaan ini menjadikan dunia dan ruang realiti kehidupan terasa sempit. Dengan kekuatan media massa yang telah menjelma menjadi ‘agama’ atau ‘tuhan’ sekular, yang mana menentukan kebenaran dan kesalahan perbuatan manusia tanpa disedari telah diatur oleh media massa seperti program television”.

Beralih pada konteks di Malaysia, persoalan utamanya adalah, sejauhmanakah masyarakat di negara ini melalui fasa dan pengertian pascamoden sebagaimana yang berlaku di Barat dan Eropah? Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, keadaan pascamoden yang ditonjolkan di Barat dan Eropah telah wujud dalam budaya masyarakat pasca-industri yang memperlihatkan kepesatan konsumerisme, perkembangan media dan pembentukan syarikat-syarikat multi-nasional khususnya selepas perang dunia ke-2. Sebagai mewakili negara dunia ke-3, sudah pasti situasi pascamoden di Malaysia bukanlah suatu keadaan yang benar-benar boleh

⁴ Secara dasarnya, aliran pascamodenisme juga merujuk pemikiran yang melangkaui modenisme dan modeniti, iaitu aspek yang menjadi tunjang kepada proses yang dikenali sebagai modenisasi. Dari konteks aliran seni misalnya, pascamodenisme merujuk pada kritikan dan perdebatan mengenai terbatasnya spektrum modenisme dalam bidang seni bina dan kemudiannya menular ke dalam bidang seni tampak dan kesusasteraan. Justeru, aliran ini membawa pembaharuan pada aspek bentuk dan genre menerusi gabungan pelbagai gaya daripada budaya dan era yang berbeza-beza.

dirujuk sama seperti di Barat dan Eropah apatah lagi di negara ini, ianya adalah keadaan yang relatif baharu. Pembentukan negara-negara selain Barat seperti Malaysia bukanlah suatu proses penyalinan daripada bahagian yang dilalui oleh negara-negara Barat tetapi, selaku negara pascakolonial, negara ini telah dipengaruhi secara langsung ke dalam proses kemodenan menerusi kapitalisme, pengantarabangsaan, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan (Sarena Abdullah, 2018:23). Malah dari segi kesanya, dalam konteks yang sedikit berbeza, cengkaman kuasa asing ke atas beberapa negara Asia misalnya membawa krisis pembangunan bukan sahaja dari segi ekonomi, malah paling besar adalah masalah pembangunan sosio budaya dan kehilangan akar umbi identiti asalnya. Contoh daripada situasi ini boleh dirujuk pada konteks serantau sebagaimana telah berlaku di Filipina selepas penjajahan Spanyol sehingga melenyapkan sejarah, budaya dan warisan Melayu-Islam yang terbina sejak kurun ke-15.

Dalam esei bertajuk *Different Visions: Contemporary Malaysian Art and Exhibition in The 1990s and Beyond* oleh (Antoinette, 2005), beliau telah memberi tumpuan kepada perkembangan penting terhadap penghasilan dan pameran seni kontemporari Malaysia semenjak tahun 1990-an. Di dalam esei ini, beliau mengupas perubahan yang berlaku dalam landskap seni rupa Malaysia sekitar dekad tersebut maka, isu dan persoalan identiti merupakan subjek yang membentuk pembangunan artistik di Malaysia diperingkat lokal sehingga kepada hubungannya dalam konteks serantau dan antarabangsa dalam kalangan artis pelbagai kaum dengan cara yang lebih kompleks dan bernuansa. Berdasarkan esei tersebut juga, beliau telah menampilkan beberapa contoh karya berupa instalasi, fotografi sehingga kepada media baharu yang mewakili pengucapan tersebut antaranya termasuklah, *Non-Indigenous Skins* (1998) dan *Indigenous Skins* (1999–2000) oleh Wong Hoy Cheong, *Malaysian Vintage Series*

(1997) dan *Through Rose-Coloured Glasses* (2002), oleh Yee I-Lann, *A Small Town at the Turn of the Century* (1999–2000) oleh Simryn Gill, Laga-Laga (2002) oleh Nur Hanim Khairuddin, *The Failure of Marcel Duchamp/Japanese Fetish Even!* (1996) oleh Niranjana Rajah dan banyak lagi (Antoinette, 2005:238–242). Di Malaysia, ungkapan “pascamodernisme” oleh Redza Piyadasa dalam penulisannya bertajuk *Modernist and Post-Modernist in Malaysian Art in Post-Independence Period* dan *Modern Malaysian Art, 1945–1991: a historical overview* adalah berkait kecenderungannya menerusi seni moden Malaysia justeru, di dalam kedua-dua esei inilah beliau pertama kalinya mengaplikasikan istilah pascamodern bagi membincangkan perkembangan yang diperoleh dalam seni rupa Malaysia. Malah, ungkapan pascamodernis bagi merujuk sebilangan artis dan ini termasuklah Ismail Zain terhadap pendekatan kerja-kerja seninya.

Seterusnya, antara esei lain yang bertajuk *Ismail Zain, The Artist*, Redza telah menjelaskan bahawa “Pameran Digital Collage” (1988) oleh Ismail merupakan sebuah pameran yang berbentuk pascamodernis menerusi penglibatan pelbagai budaya yang jelas dan kecenderungan *deconstructionist* yang sengaja disampaikan dalam bentuk yang lucu dan mengusik (Redza Piyadasa, 1995:52). Redza kemudiannya menambah lagi bahawa, idea-idea yang disampaikan oleh Ismail merupakan perkara-perkara penting yang tidak terbatas dalam memahami seni, budaya dan diri sendiri dalam konteks baharu dan pertindihan konteks pluralistik zaman elektronik pasca-modernis di atas realiti kampung global yang mengecil yang mana semua masyarakat terlibat. (Redza Piyadasa, 1995:52–53)

Di sisi lain, persoalan identiti budaya dalam konteks masyarakat pascamodern turut dibahaskan oleh Sulaiman Esa mengenai Konflik ‘Kematian Tuhan’ yang didorong oleh para Modernis manakala, ‘Kematian Manusia’ dan serentak itu

‘Kematian Pengertian’ oleh kebudayaan pascamoden berhubung kewujudan fisikal, moral dan kerohanian seseorang manusia yang menafikan semua kepercayaan agama dan moral semasa di samping merosakkan diri sendiri (Sulaiman Esa, 1995:13). Justeru bagi Sulaiman, situasi tersebut menyedarkan semua bahawa keamanan dan pengertian hidup hanya mampu dicapai apabila kembali berpaut kepada Allah dan beliau menegaskan lagi tentang petunjuk dan kebenaran Allah. Walau bagaimanapun, menjadi suatu tanggungjawab besar dan cabaran kepada segelintir pelukis Muslim Malaysia melalui penglibatan seni mereka dengan mempelopori aspek-aspek keagamaan dan kerohanian, di mana keruntuhan moral dan kerohanian semakin merebak disebabkan oleh pengaruh etos pascamoden. (Sulaiman Esa, 1995:13)

Seperti Sarena pula, istilah “postmodern situation” atau “situasi percamoden” digunakan dalam memperihalkan perubahan-perubahan sosial dan budaya dalam kalangan Melayu yang terpaksa dilalui akibat daripada proses-proses modenisasi yang drastik yang dikenakan ke atas mereka justeru, masyarakat Melayu pada umumnya bukan sahaja mula melihat kembali akar budaya dan kepercayaan agama tetapi yang paling penting, ia telah mewujudkan satu keadaan bertentangan di antara tradisionalisme, ideologi Islam dan moden yang digambarkan menerusi simbol baru dan amalan sosial dan budaya serta amalan seni di kalangan artis Malaysia (Sarena Abdullah, 2018:50).

Kemunculan era pluralis dan pascamoden sepertimana dinyatakan oleh Mulyadi bagi dekad 1980an menjadi petanda yang dapat menyaksikan bagaimana kewujudan pelbagai gaya, persembahan dan isu pengkaryaan (Mulyadi Mahamood, 2009). Dalam hal ini, beberapa faktor dalaman dan luaran sebagaimana disebutkannya juga perlu diambil kira sebagai perkara penting dan sebahagiannya yang dapat disenaraikan di sini termasuklah kesedaran pelukis untuk lebih peka terhadap sejarah,

dorongan dari situasi perkembangan budaya dan sosiopolitik semasa ke atas identiti jati diri dan masa depan etnik, perbezaan taraf hidup beserta amalan agama, kepercayaan dan budaya, perubahan suasana politik setempat dan global, dan akhirnya perkembangan teknologi maklumat dan globalisasi. Selari dengan ini, maka beliau mengandaikan bahawa, kepelbagaian gaya dan persembahan dalam seni jelas menggambarkan kemajmukan bangsa dan budaya masyarakatnya yang perlu dirai dan dihormati. Keadaan ini juga sebenarnya boleh dikaitkan untuk dekad 1990an seterusnya, yang mana budaya kerja dan amalan baharu dalam aktiviti seni seperti yang disebut beliau dan di antaranya adalah seni video, manipulasi bentuk-bentuk seni berasaskan media baharu dan alternatif telah dilaksanakan oleh sebilangan artis seperti Wong Hoy Cheong, Hasnul J. Saidon, Liew Kungyu, Nurhanim Khairuddin dan lain-lain. Muliyadi kemudiannya menjelaskan bahawa;

“Mereka memberi wajah baharu bagi pengucapan seni menerusi manipulasi teknologi dengan bahasa visual yang berterus-terang dan lebih terbuka, menggabungkan sifat-sifat sinis, satira, jenaka, kritikan dan sindiran. Mereka menimba inspirasi daripada kehidupan persekitaran, perkara-perkara yang biasa ataupun yang popular dalam kehidupan masyarakat sezaman dengan memberi makna kepada bentuk dan objek harian yang diangkat menjadi simbol dan perlambangan... karya mereka mempersoalkan isu, krisis, konflik, kecelaruan dan cabaran hidup masyarakat sezaman yang turut dihubungkan dengan sejarah negara dan pengalaman sendiri.” (Muliyadi Mahamood, 2009:9)

Begitu pula Zainol, beliau turut mengulasnya dalam konteks seperti berikut:

“Dari segi sosio-budaya, karya-karya tersebut selalunya menyentuh, sering-kali pada beberapa tahap keliteralan, kajian-kajian budaya tempatan, etnik serta serantau dan tema-tema berkaitan jatidiri peribadi, politik serta sejarah yang ditempa oleh budaya. Sekalipun karya-karya mereka dapat dibaca dalam rangka "usaha mencari identiti kebangsaan", namun pengubahsuaian yang dilakukan ke atas penegasan konvensional berhubung dengan usaha murni menghidupkan semula keagungan budaya silam menunjukkan betapa kesaksian mereka terhadap kewibawaan budaya sebenarnya lebih terkhusus. Karya-karya mereka membangkitkan agenda tertentu berkait dengan sejarah, budaya mahupun diri peribadi.” (Zainol Shariff, 2012:326)

Dalam konteks kerja-kerja Seni Media Baru di Malaysia amnya, situasi masyarakat pascamoden telah menyuntik ilham-ilham baharu kepada para penggiat seni untuk menghasilkan karya-karya sebagai suatu tidak balas dan proses

keintelektualan pengkaryanya dengan bersandarkan naratif berkait isu identiti budaya yang boleh dilihat dari aspek strategi dan tema-temanya. Dalam konteks ini juga, proses intelektual ini telah dibuat berdasarkan pengalaman-pengalaman artisnya dan kaca mata mereka terhadap diri dan persekitaran mereka. Justeru, secara umumnya, bolehlah dikatakan bahawa sebilangan besar karya yang dihasilkan menerusi media teknologi sebagai medium baharu turut meletakkan simbol masyarakat pascamodenisme di dalam kerangka pendekatan bertemanya yang mewakili intisari mengenai identiti budaya mereka.

Sementara itu, sebagai masyarakat berinformasi yang hidup di tengah-tengah kepesatan era teknologi, kita tidak mungkin dapat lari daripada kebergantungan kita pada teknologi yang sangat kuat. Contohnya, konsep *Global Village*⁵ (McLuhan & Powers, 1989) atau kampung sejagat yang diperkenalkan pada tahun 1960-an merupakan sebuah konsep yang menggambarkan bentuk-bentuk interaksi dunia masa hadapan tanpa sempadan di antara ruang dan waktu akibat daripada proses globalisasi yang membawa kepada perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat.⁶ Kini, setelah hampir 60 tahun berlalu, konsep tersebut merupakan suatu gambaran yang benar-benar berlaku dan tidak mampu dielak. Masih di satu perspektif yang sama, konsep tersebut pada dasarnya juga telah membawa perubahan pada struktur budaya yang lebih baharu dan akhirnya mempengaruhi gaya hidup, citarasa dan identiti

⁵ Konsep “Kampung Sejagat” ini dapat ibaratkan seperti kemunculan Seni Media Baru sebagai sebuah pendekatan baru yang akhirnya perkembangan tersebut turut mempengaruhi praktis-praktis seni sedia ada di negara ini. Selain itu, pendekatan seni ini juga telah membawa kerencaman terhadap pendekatan artistik di negara ini dari segi penggunaan medium dan bahan sebagai sebuah pengucapan seni.

⁶ Impak globalisasi tidak hanya merujuk kepada sistem politik dan perekonomian sesebuah negara sebaliknya, adalah berhubung terus dengan sistem sosial dari konteks persoalan identiti. Ini disebabkan bahawa, hasil ledakan globalisasi seperti kewujudan media teknologi yang canggih akan menyaksikan pembentukan pelbagai nilai, citarasa, gaya hidup, kepercayaan dan sebagainya yang seterusnya menyumbang kepada persoalan identiti.

budaya masyarakat disebabkan oleh sifat kerterhubungannya (society network) antara satu sama lain.

Oleh itu, dari konteks keterhubungan dengan penyelidikan ini, konsep masyarakat baharu yang dikupas di atas sebenarnya boleh dikatakan sebagai suatu gagasan yang terbentuk hasil pencapaian dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Dalam hal ini, kemajuan dalam bidang tersebut telah membawa suatu pembaharuan terhadap satu media kepada suatu media yang lebih baharu yang seharusnya dibaca dari kaca mata sosio-budaya dan bertitik tolak daripada inilah yang membolehkan karya Seni Media Baru yang memanfaatkan medium teknologi dapat dikaji dari konteks sosial dan budayanya.

Meninjau kepada perkembangan seni di negara ini, keseluruhan perkembangan seni tampak negara kita telah melangkaui usianya pada separuh abad sepanjang tempoh kemerdekaan Malaysia dan boleh dianggap telah pun matang. Dari sudut keberadaan dan perkembangan seni yang berbasis media dan teknologi ini pula, ia bukalah suatu fenomena baharu. Tetapi, ia masih boleh dianggap berada di tahap agak baharu berbanding kewujudan seni tampak yang lain. Keadaan ini bukanlah penghalang besar bagi Seni Media Baru kerana sesuai dengan cabang seni yang agak luas, sudah mampu meletakkan seni ini berada segaris dengan seni tampak yang lain walaupun wujud jurang dari segi bilangan artis yang profilik dan konsisten dengan amalan seni ini. Situasi ini sebenarnya telah menggambarkan usaha segelintir penggiat seni tempatan yang masih berpegang kepada konsep dan acuan seni yang bersifat konvensional. Dari konteks kepercayaan mereka, situasi ini mungkin disebabkan oleh penghasilan sesebuah karya seni harus melalui batasan-batasan tertentu agar penghasilannya secara berlebihan tidak akan mencacatkan disiplin seni tampak yang sedia ada pada keseluruhannya.

Berhubung dengan peranan dan fungsi, Seni Media Baru sebenarnya tidak hanya mampu dilihat sebagai medium pengantara yang dapat menzahirkan keindahan seni semata-mata. Sebaliknya, ia merupakan medium yang turut membahaskan isu-isu sosial, sejagat, seni dan budaya dalam lingkungan masyarakat kita. Justeru, inilah yang meletakkan makna bagi sebuah masa depan Seni Media Baru misalnya pada konteks yang cukup besar dan penting dalam seni rupa Malaysia. Mengambil contoh pendekatan dalam laporan bertajuk “Sejarah–Antara Bakat dan Hakikat” dalam pameran Retrospektif BMS (1999) yang disampaikan oleh (Zanita Anuar, 1999:19–20), beberapa perkara bagi menentukan perkembangan dan hala tuju seni Malaysia seperti diketengahkan Zanita dalam konteks BMS mampu dijadikan sandaran. Pertama, beliau telah menghubungkan BMS dalam konteks institusi pendidikan sebagaimana diperoleh oleh kebanyakan pelukis menerusi kokurikulumnya dalam menggambarkan karya-karya mereka secara langsung. Kedua, pembinaan semula konsep budaya yang berkisar dengan masyarakat. Ketiga, berkait dengan penerokaan media yang menjurus kepada pengetahuan dan kemahiran dari segi teknikal.

Pada sebilangan artis di Malaysia yang memanfaatkan medium ini seumpamanya, saling kebergantungannya sudah pasti memberi kesan terhadap pengalaman dan corak amalan seni mereka. Malah, berjayanya penciptaan sesuatu karya seni tidak seharusnya dinilai pada kecantikan dan kuantiti yang dihasilkan. Tetapi, yang paling utama adalah pada cara bagaimana pengkarya mengambil kira kepentingan penghasilannya khusus terhadap masyarakat dan spektrum seni yang sememangnya terkandung pelbagai konflik, kekangan dan perselisihan.

Mengenai proses penghasilan karya berupa Seni Media Baru, ia bukanlah suatu praktis yang agak mudah kerana, pelbagai kemahiran dari segi teknik dan suntungan idea perlu dipraktik dan dipertimbangkan di pelbagai peringkat proses bagi

memastikan hasil yang berkualiti dapat dihasilkan seterusnya, dapat disampaikan kepada khalayak dengan berkesan. Tambahan lagi, kerumitan untuk menghasilkan karya ini juga banyak dipengaruhi oleh faktor sokongan dan tingkat keteknologian medium yang harus digunakan. Justeru, situasi ini semamangnya berkait dengan ciri ketiga yang telah dirumuskan oleh Zanita di atas.

Dalam penulisan tesis ini, cabaran dari segi teknikaliti tersebut bukanlah isu yang akan dibangkit atau dikupas sebagai kandungan utama dalam tesis penyelidikan ini. Sebaliknya, paling utama adalah untuk menganalisis karya-karya Seni Media Baru dari segi kandungan dan konteksnya berhubung perihal-perihal budaya dan identiti dari perspektif Malaysia. Apabila mendepani persoalan seni, tumpuan seharusnya diberikan terhadap penghayatan seni dari konteks kandungan budayanya. Ini kerana, usaha tersebut juga merupakan suatu pendekatan ke arah menghayati identiti dan menghargai nilai budaya sebagai sebahagian daripada warisan negara.

Dari konteks latar belakang Malaysia, sebahagian besar isu identiti yang lahir merupakan hasil daripada pengalaman sejarahnya yang kemudiannya berkembang dalam pelbagai ideologi dan perspektif. Rasionalnya, perbincangan berkait isu dan persoalan identiti harus diluaskan pada konteks nilai, sejarah dan kepercayaan yang dipegang secara kolektif dalam sesebuah masyarakat atau kawasan yang terlibat. Justeru, dengan cara ini, isu berkait identiti di negara ini dapat ditafsir dan dibincangkan dalam spektrum yang tidak sempit dengan mewakili pelbagai kaum, budaya, generasi dan latar belakang geografi. Pada sebilangan besar kerja-kerja Seni Media Baru di Malaysia yang dipilih berdasarkan tempoh 1980-an sehingga 2018, terdapat campur tangan artistik yang sarat dengan isu-isu sosial merangkumi hal-hal budaya dan identiti. Boleh dinyatakan juga bahawa isu-isu yang diungkapkan oleh

pengkarya dalam kerja-kerja mereka diketengahkan sama ada dalam bentuk refleksi mahupun kritikan.

1.2 Persoalan Penyelidikan

Berdasarkan kajian ini, sebilangan karya-karya yang dihasilkan dalam bentuk Seni Media Baru telah memaparkan kembali hubungannya berkait perihal identiti budaya dari pelbagai perspektif, strategi dan pendekatan. Justeru, pengkaji telah membahagikan persoalan kajian ini menerusi tiga aspek berikut:

- Apakah contoh tema-tema identiti budaya yang berkait dengan karya-karya Seni Media Baru di Malaysia?
- Bagaimanakah kerja-kerja artis Seni Media Baru di Malaysia menggambarkan perihal identiti budaya dari kerangka strategi artistik dan tema-temanya?
- Apakah bentuk-bentuk strategi artistik untuk menganalisis karya-karya Seni Media Baru dari perspektif identiti budaya?

1.3 Penyataan Masalah

Seperti kebanyakan bidang yang menjadi tumpuan penyelidikan, bidang seni juga tidak terkecuali daripada dilingkari oleh pelbagai masalah yang memerlukan satu pengkajian dibuat bagi mendapatkan jawapan dan seterusnya, menyelesaikan permasalahan tersebut. Pernyataan masalah merupakan salah satu syarat penting bagi sesebuah aktiviti penyelidikan dijalankan. Pendek kata, sesuatu permasalahan harus diselidiki terlebih dahulu bagi membolehkan sebarang bentuk penyelidikan dijalankan pada peringkat seterusnya. Di sisi pengkaji umpamanya, pernyataan masalah membolehkan pengkaji memfokuskan aspek-aspek pengkajian dari segi tujuan,

kepentingannya dan yang paling utama adalah metod yang akan diaplikasikan sepanjang penyelidikan berlangsung.

Secara umumnya, seperti dinyatakan oleh Ismail Zain, pemindahan teknologi Barat ke negara-negara membangun akan menjadi situasi yang berterusan beserta implikasi-implikasi teknologi yang akan terus dirasai, malah kemasukkan teknologi tersebut secara tidak langsung akan membawa bersama ciri kebudayaan di mana sesebuah medium teknologi dicipta (Ismail Zain, 1995a). Sebagaimana yang diungkapkan dari konteks implikasi peralihan teknologi oleh Ismail Zain, begitu pula Zanita Anuar yang turut membawanya dalam konteks permasalahan awalnya secara general apabila kewujudan budaya elektronik mampu dikaitkan dengan budaya kurang sihat yang memberikan kesan negatif (Zanita Anuar, 2000). Tanggapan umum beliau ini disandarkan oleh situasi di negara maju yang mendorong ke arah teknologi baharu sehingga membawa kepada kehakisan nilai tradisi masyarakat.

Beralih permasalahannya pada konteks amalan pula, sepertimana dicatatkan Zanita lagi, Malaysia adalah sebuah negara yang telah dikenali dan disegani di rantau Asia sebagai pusat ekonomi teknologi maklumat namun, peluang ini tidak diambil sepenuhnya oleh pengkarya di negara ini untuk dimanfaatkan ke dalam bidang seni dan budaya (Zanita Anuar, 2000). Keadaan ini mungkin dapat dikaitkan dengan kurangnya persediaan dari segi mental dan minda yang terbuka. Dalam hal ini juga, Zanita telah menjelaskan bahawa kebanyakan karyawan tempatan memiliki kesediaan mental yang kurang memberikan perhatian kepada aspek penganalisan, rasional dan eksplorasi bahan secara umum.

Di sisi lain, Redza meluahkan pandangan mengenai perubahan dari semasa ke semasa pameran seni mulai menjadi peristiwa sosial, namun nilai sesebuah karya telah diukur berdasarkan saiznya berbanding hubungannya dengan persoalan-persoalan

penting dengan sifat-sifat inovatif atau idea mahupun polemik yang telah dibangkitkan (Redza Piyadasa, 1988). Selanjutnya, beliau menambah bahawa masyarakat begitu jarang terdedah dengan amalan baharu bagi mengetahui potensi dan kepentingan pendekatan ini atau dalam kata lain sepertimana diungkapkan oleh Reza iaitu prasangka lazim yang dipengaruhi oleh kesejarahan seni bersifat tradisional bagi memupuk suatu penghayatan yang segar dan baharu (Redza Piyadasa, 1988). Permasalahan ini sekaligus membawa kepada intipati mengenai penghasilan dan penghayatan karya dari aspek konteksnya berbanding formalistik atau keunikan artis dan ini dapat diambil contoh sebagaimana diulas oleh Redza berpandukan kerja-kerja seni digital yang telah dibangunkan oleh Ismail Zain. Menurut redza:

“Ciri-ciri kandungan dan implikasi kontekstual yang terdapat dalam karya-karya baharu Ismail Zain ini layak diberi penghujahan dan penghitungan yang serius atas dasar "teori informasi", hakikat dan pertimbangan-pertimbangan semiologi... Dengan kerana itu, implikasi sepenuhnya mengenai karya-karya Ismail Zain tidak akan dirasai oleh sebilangan besar artis-artis tempatan. Urusan intelektual Ismail Zain akan menjadi lebih ketara sekiranya penontonnya dapat menghayati perkaitan-perkaitan kontekstual yang terdapat dalam karya-karyanya yang baharu ini dengan pergolakan radikal yang berlaku dalam arena seni moden pada peringkat antarabangsa, kini. Pokok dalam pergolakan ini ialah kebangkitan tentang persoalan bahawa karya seni yang diciptakan oleh artis harus bebas semata-mata dari segi keterlibatan formalistik mengenai bahan atau dengan mitos individu yang berhubung dengan "keunikan" artis. Sebaliknya seni, seharusnya, memusatkan perhatiannya kepada struktur-struktur yang bertanggungjawab dari segi linguistik, antropologi, sejarah dan ideologi dalam definasi-definasinya yang luas.”

Oleh itu, Redza telah menegaskan bahawa suatu penekanan baharu terhadap isi perlu berbanding penekanan dari segi bentuk, yang mana merupakan inti yang berkait terus dengan takrifan mengenai makna secara kontekstual, iaitu proses di mana karya tersebut diungkapkan.

Di samping peningkatan pengkarya, keterbukaan dalam amalan seni menerusi kemudahan-kemudahan teknologi yang baharu dengan metodologi, pendekatan-pendekatan konseptual dan visual yang pelbagai telah memberi makna bahawa kebebasan minda merupakan kunci kepada amalan artistik namun, berdasarkan

keadaan semasa, isu-isu budaya, jati diri dan tradisi yang penting masih lagi kurang menekankan. (Beverly Yong & Hasnul J Saidon, 2007:23)

Berkait dengan laporan hasil penelitian lalu, permasalahan dari sudut laporan hasil penelitian ini sebahagian besarnya merangkumi penulisan dalam bentuk tesis, jurnal dan kertas-kertas kerja dalam seminar. Manakala sebahagian kecilnya yang dimuatkan untuk bahagian seperti majalah-majalah seni dan seumpamanya. Menerusi bidang seni secara dasarnya, pengkaji mendapati terdapat kelompongan dari segi konteks perbincangan seolah-olah mewujudkan jurang dalam aktiviti pembicaraan seni. Ini kerana, pada penelitian pengkaji, kebanyakan penulisan di negara ini kurang dipelbagaikan konteks perbincangan genrenya sebagai contoh, karya berupa Seni Media Baru. Sama ada dari segi medium, amalan dan pendekatannya. Meskipun terdapat penerbitan yang ada merekodkan aktiviti penghasilan karya berupa Seni Media Baru di negara ini, namun jumlah ini amat sedikit jika dibandingkan dengan karya seni dari disiplin seni lain. Lantaran itu, membuatkan kupasan atau pembahasan ke atas karya seumpama media baharu amat sukar dan terbatas bagi pihak pengkaji.

Penulisan oleh Sarena Abdullah bertajuk “Thematic Approaches since the 1990s” telah mengupas kesan pendekatan tematik di kalangan artis-artis Melayu di Malaysia semenjak 1990an dari segi pendekatan, subjek, tema dan media (Sarena Abdullah, 2011). Walaupun membicarakannya dari kerangka tematik namun, kupasan artikel ini tidak melibatkan sejumlah karya daripada Seni Media Baru dan kaitannya dari konteks identiti budaya. Bagi artikel bertajuk “Masa Depan Karya Seni Media Baru” oleh Jasni Dolah, artikel ini hanya membawa Seni Media Baru untuk dibincangkan secara terperinci dari konteks terminologi, isu-isu semasa, kepentingannya, sumbangan serta cadangan kepada peningkatan bidang tersebut

khususnya dari perspektif pendidikan di negara ini (Jasni Dolah, 2015). Penulis tidak membahaskan karya-karya media baharu secara kontekstual.

Firdaus Omran menerusi kajian diperingkat sarjananya bertajuk “Interpretasi Karya Seni Visual Terpilih Bakat Muda Sezaman (2000-2013) Dari Konteks Dasar Kebudayaan Kebangsaan” telah menganalisis sembilan karya dari perspektif budaya kebangsaan dikalangan artis muda daripada platform Bakat Muda Sezaman dari tahun 2000 hingga 2013 (Firdaus Omran, 2017). Walaupun penelitian tertumpu kepada aspek kandungan karya yang berhubung dengan elemen-elemen budaya kebangsaan bagi memahami ciri-ciri visual yang menjadi identiti budaya di dalam seni visual Malaysia, namun penyelidikan ini hanya menampilkan dua karya berbentuk media baru untuk dianalisis.

Satu lagi penulisan yang boleh diletakkan dalam konteks yang hampir serupa dengan penyelidikan ini adalah bertajuk “Discussion: Diversity In Malaysian New Media Art” oleh Suhana Nordin dan Mumtaz Mokhtar yang telah diterbitkan di dalam *International Journal of Business and Administrative Studies* (IJBAS) pada tahun 2015. Penulisan ini telah membahaskan Seni Media Baru dari kerangka konsep pemahaman awal mengenainya menggunakan teori Lev Manovich dan Marshall McLuhan di samping analisis sejumlah karya berupa media baharu dari segi bentuk dan konteksnya sebagai rujukan kepada perkembangan seni rupa di Malaysia (Suhana Nordin & Mumtaz Mokhtar, 2015). Walau bagaimanapun, penulisan ini tidak membahaskannya secara lebih mendalam dari segi konteksnya pada penghasilan karya tersebut.

Seterusnya, menerusi artikel bertajuk “Mendepani Cabaran Karya Seni Elektronik” oleh Hazrizan Masri dan Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani, penulisan ini membicarakan kewujudan karya berbassis Seni Media Baru dalam

landskap seni tampak menerusi cabarannya terhadap audien dan institusi seni berhubung soal pengendalian atau pengurusan koleksi karya (Hazrizan Masri & Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani, 2015). Seterusnya, perbincangan dari segi aplikasi teknologi ke atas praktik seni melibatkan media baharu juga telah ditulis oleh Wan Jamarul seperti prosiding dalam *3rd International Conference on Applied and Creative Arts 2011* bertajuk “Electronic-Based Artwork in the Malaysian Art Scene: The Application of Electronic Technology in the Current Art Practices” dan prosiding dalam *2nd International Conference on Applied and Creative Arts 2008* bertajuk “Expanded Media in the Arts: Artistic and Aesthetic Experimentation”. Manakala, sebuah artikel yang diterbitkan dalam INTI Jurnal Perintis Pendidikan pada tahun 2009 bertajuk “Electronic Medium in Visual Art Practices”. Kesemua penulisan yang ditampilkan di atas tidak membicarakan aspek kandungannya secara kontekstual dari pengaruh identiti budaya.

Daripada sejumlah artikel di atas, dapatlah diandaikan bahawa masih terdapat kekurangan dalam kajian semasa berkaitan identiti budaya dalam pengkaryaan Seni Media Baru secara khusus dari aspek kandungan dan konteksnya menyebabkan kekurangan maklumat secara terperinci mengenainya. Secara tidak langsung, situasi tersebut telah memperlihatkan kurangnya apresiasi ke atas karya-karya berupa Seni Media Baru yang sememangnya penting terhadap perkembangan seni tampak Malaysia semenjak tahun 80-an lagi. Persoalan berkaitan identiti budaya telah dipertunjukkan sebagai antara isu penting dalam kebanyakan amalan seni semenjak 1970-an iaitu selepas Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971). Ini juga menyaksikan bagaimana gaya dan tema meliputi persoalan nasional, identiti sosial dan budaya pada sebilangan karya-karya artis Malaysia dekad 1970-an. (Mulyadi Mahamood, 2001)

Dalam konteks yang lain pula, salah satu bentuk pengisian yang ideal, bidang pengkaryaan dan kritikan dalam Seni Media Baru seharusnya menjadi sebahagian daripada wacana yang berpaut pada rentetan isu-isu yang memperihalkan konteks budaya masyarakat di sekelilingnya. Kurangnya berhubung dengan konteks ini akan menyebabkan kandungan karya yang dicipta dan spektrum pembicaraan seni berada pada keadaan tergantung. Dalam hal ini, tidak dinafikan meskipun terdapat perbincangan dalam seni yang masih menunjangi konteks sosial dan budaya sebagai akar kajian mereka namun, kebanyakannya hanyalah tertumpu pada praktik seni yang dihasilkan secara konvensional. Bagi Seni Media Baru, ianya berada pada tahap yang masih rendah. Justeru daripada itu, pengkaji berasakan ia adalah suatu kekurangan yang besar memandangkan seni yang berkembang hasil daripada kemajuan teknologi ini sentiasa melingkari pelbagai isu dan persoalan kepada masyarakatnya.

1.4 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini merangkumi sebilangan karya-karya Seni Media Baru di Malaysia yang dihasilkan sekitar tahun 1980-an sehingga 2018. Sebahagian besar karya diperoleh dari pelbagai sumber rujukan seperti sumber skunder dan sebilangan kecil diperoleh melalui kajian lapangan. Dalam tesis penyelidikan ini, pengkaji telah menetapkan bahawa aspek seperti terminologi dan sejarah Seni Media Baru merupakan penelitian secara umum. Maka, penyelidikan utamanya adalah bertujuan untuk:

- Memeriksa karya-karya Seni Media Baru di Malaysia dari tahun 1980-2018 dari perspektif identiti budaya.
- Menganalisis dan membincangkan perihal identiti budaya pada karya-karya Seni Media Baru di dalam dua kerangka iaitu, strategi artistik

dan tema-temanya berpandukan aspek kandungan dan konteksnya.

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan merupakan aktiviti yang tidak dapat dipisahkan dalam apa jua konteks kehidupan kita. Pendek kata, penyelidikan itu penting terutamanya dalam usaha meningkatkan kualiti dan memupuk kesejahteraan masyarakat kerana tanpa adanya penyelidikan yang berterusan, sudah pasti kita tidak mampu memperbaiki kelemahan yang ada. Sepertimana dinyatakan (Rice, 1984), penyelidikan tidak seharusnya terencil dari peristiwa ilmiah kerana ia sentiasa berlaku sama ada dalam konteks penyelidikan terdahulu dan yang baru muncul.

Keutuhan sesebuah karya seni bukan sahaja terletak pada medium yang diaplikasikan tetapi, pada aspek kandungan dan konteks yang cuba dipanjangkan. Oleh itu, penyelidikan ini penting dalam mewujudkan kesedaran untuk menghayati dan memahami sesebuah karya seni seperti Seni Media Baru dari aspek kandungan dan konteks penghasilannya. Zanita Anuar dalam esei kuratorialnya bagi pameran *Arus/Flow* pada tahun 2000 telah memperihalkan kepentingan menghayati penghasilan sesebuah karya daripada media elektronik dari sudut konteksnya iaitu:

“Media Elektronik hanya merupakan satu dalam seribu bahantara pengkarya yang mampu menghasilkan pelbagai bentuk dan penerangan karya. Segala kemungkinan dapat direalisasikan, sama ada pembentukkan yang dirangcang atau yang sebenar. Multi-media lebih daripada teknologi baru malah ia perlu difahamkan sebagai sesuatu yang berperanan besar dalam pembentukan semula asas pengetahuan sesuatu masyarakat.” (Zanita Anuar, 2000:18)

Beliau selanjutnya menekankan bahawa, untuk memahami budaya teknologi maklumat pada masa ini, justeru perlunya mentafsir sesebuah hasil karya elektronik dengan lebih mendalam daripada pengertian sepertimana disebutkan oleh Zanita sebagai sekadar “sedap mata memandang” (Zanita Anuar, 2000). Baginya ini kerana,

tafsiran yang mendalam tersebut akan melahirkan persoalan-persoalan penting mengenai perubahan konsep identiti melalui arus baharu tersebut.

Di Malaysia, Seni Media Baru masih boleh dianggap antara bidang yang agak baharu justeru, bilangan penulisan dan perbincangan secara khusus dalam bidang ini masih terhad dan kebanyakan sumber rujukan diperoleh daripada rujukan luar. Selain menambah bilangan dokumentasi sedia ada, penyelidikan ini mampu menjadi rujukan awal untuk pengkaji-pengkaji akan datang terutamanya dalam konteks dan bidang kajian yang sama.

Penyelidikan ini merupakan salah satu platform atau usaha mengetengahkan segala bentuk hasil karya yang menjurus kepada bidang kritikan yang mampu mendorong kepada peningkatan kualiti penghasilan karya agar diterima dan difahami umum. Justeru, dalam membina jaringan yang menghubungkan antara karya, pengkarya dan masyarakat umumnya, hasil penyelidikan ini merupakan sebahagian daripada penghargaan kepada pengkarya Seni Media Baru terhadap sumbangan dan usaha mereka ke arah perkembangan seni di Malaysia.

Dari segi sejarah, Malaysia merupakan sebuah negara yang terbentuk dari proses penjajahan. Walaupun sudah mencapai kemerdekaan namun, hasil daripada dasar-dasar yang ditinggalkan oleh penjajahan lalu telah meninggalkan kesan amat besar pada sosio-budaya di negara ini. Selari dengan dasar kebudayaan kebangsaan 1971 misalnya, sebilangan artis memfokuskan isu-isu berkaitan identiti budaya sebagai pusat pengkaryaan mereka. Oleh itu, ia secara tidak langsung telah memperlihatkan suatu usaha kearah menilai semula aspek identiti budaya ke dalam bidang kesenian di negara ini.

Di sisi pengkaji sendiri, pengkaji sangat bertuah kerana dilahirkan dalam sebuah negara yang memiliki keanekaragaman budaya dari pelbagai kelompok

masyarakat yang ada. Tambahan pula, banyak peristiwa penting yang berlaku pengkaji sendiri tidak mampu alami secara langsung. Maka, dengan melihat karya-karya yang dicipta oleh artis yang memiliki latar belakang hidup berbeza-beza dari segi budaya dan sebagainya, ia seolah-olah meletakkan pengkaji untuk merasai pengalaman tersebut meskipun dalam gambaran yang diciptakan semula oleh artis media baharu kita. Ini juga sepertimana tanggapan dilontarkan oleh (Mulyadi Mahamood, 1995) pada sesebuah karya yang dihasilkan dapat merujuk kepada peristiwa yang menjadi cerminan atau rujukan budaya yang penting.

1.6 Skop Penyelidikan

Pengkaji telah meletakkan skop penyelidikan ini kepada tiga aspek penting. Aspek pertama adalah berhubung bentuk-bentuk karya Seni Media Baru merangkumi hasil-hasil karya berupa seni komputer, seni video dan cetakan fotografi digital. Terdapat juga sebilangan karya berbentuk *Sound Art and Installations*. Pengkaji juga meletakkan bahawa kajian ke atas hasil-hasil kerja Seni Media Baru tersebut dianalisis secara pendekatan bertema.

Aspek kedua pula meliputi kriteria pemilihan karya. Keseluruhan karya yang ditampilkan dalam tesis ini telah dipilih berdasarkan beberapa unsur yang dimiliki seperti gabungan di antara teknologi, eksperimental, digital, inter-media atau media campuran, isu serta budaya. “Teknologi” adalah alat atau unsur yang sangat berguna kepada seseorang pengamal seni media. Kemajuan teknologi memberi kesan terhadap kreativiti artis dalam memanipulasi kaedah baharu untuk mencipta karya seni (Valerie Anak Michael, Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman, Shureen Faris Abdul Shukor, & Noor Azizi Mohd Ali, 2018) dan ini hanya akan dapat dilihat apabila cara kerja mereka melibatkan penggunaan teknologi dilaksana secara berterusan. Dalam tesis ini,